



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UITM@Media
2016

Raih perak gusti lengan

KUALA KANGSAR - Seorang gadis dari Kampung Senggang, Kuala Kangsar mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya merangkul pingat perak dalam kejohanan gusti lengan Arnold Classic Asia di Hong Kong, baru-baru ini.

Dalam kejohanan yang disertai lebih 50 peserta dari seluruh dunia itu, Nur Hidayu Nor Rongzi, 24, meraih tempat kedua selepas tewas kepada peserta dari Jepun dalam perlawanan akhir.

Menurutnya, pengalamannya ketika tewas kepada peserta dari Jepun nyata membezakannya dengan wanita negara matahari terbit itu.

"Melawan wanita dari negara lain seperti Kazakhstan, New Zealand, Russia atau Korea tidak ada masalah sangat kerana kekuatan dan teknik hampir sama.

"Namun, dalam acara final menentang peserta dari Jepun itu, ternyata dia lebih kuat. Malah, tekniknya juga sangat mengagumkan. Ini merupakan pencapaian terbaik saya



Nur Hidayu mencipta sejarah tersendiri apabila merangkul pingat perak dalam kejohanan gusti lengan.

setakat ini," katanya.

Dia yang merupakan pemegang Ijazah Sains Sukan dan Rekreasi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pernah menyertai kejohanan antarabangsa pada tahun lepas, namun terkandas di pusingan awal.

Nur Hidayu berharap kejayaannya kali ini mampu

membuka mata ramai pihak yang mungkin sebelum ini menganggap rakyat Malaysia tidak mampu bersaing dalam sukan ini.

"Insya-ALLAH saya akan cuba menyertai beberapa pertandingan selepas ini. Jika ada tajaan, lebih banyak pertandingan saya boleh serta," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

